



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PAMERAN KARTUN ‘SEIRING SEJALAN’

KUALA LUMPUR, 14 Ogos 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Pameran Kartun ‘Seiring Sejalan’ buat julung-julung kalinya diadakan bersempena Sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2023 (HKHM 2023) di Fahrenheit88 Mall, Bukit Bintang. Program ini dilaksanakan dengan kolaborasi di antara Arkib Negara Malaysia bersama Fahrenheit88 Mall, Rumah Kartun dan Komik Malaysia bertemakan ‘*We Are Greater Together*’ selaras dengan tema sambutan HKHM 2023 iaitu ‘Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan’.

Pelaksanaan program ini adalah untuk mengiktiraf industri kartun tempatan di mana para kartunis telah menterjemahkan warisan dan budaya negara secara kreatif dan unik selain menepati hasrat kerajaan dalam usaha memelihara warisan dan budaya sebagai wadah melestarikan perpaduan.

Pameran kartun ini juga mampu memberi pendedahan kepada orang ramai terutamanya kepada generasi muda hari ini tentang potensi industri kartun tempatan yang boleh diangkat hingga ke peringkat global sebagaimana karya ‘Kampung Boy’ yang dihasilkan oleh Dato’ Lat yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

“Saya melihat program ini turut menyemarakkan slogan ‘Segulai Sejalai’ yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan berjaya menarik perhatian pelbagai peringkat masyarakat, tidak hanya golongan kanak-kanak tetapi juga golongan dewasa, kerana apa yang dipamerkan adalah bahan bacaan hiburan berbentuk kartun dan komik sejak era 1950an hingga kini,” ujar YB Datuk Aaron.

Penganjuran program ini adalah selaras dengan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara iaitu 'Ini Warisan Kita' dalam memperkasakan perpaduan masyarakat Malaysia sejajar dengan konsep Malaysia MADANI melalui hebahan maklumat berkaitan mesej-mesej berkonsepkan kesepakatan sosial yang diterapkan dalam karya-karya yang dihasilkan oleh para kartunis Malaysia.

Pameran ini akan berlangsung selama dua (2) bulan bermula pada 11 Ogos hingga 30 September 2023 dan turut diserikan dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti 'Flea Market', Sembang Santai dengan Kartunis Otai, Bengkel Melukis Kartun dan Komik dan lain-lain lagi. Terdapat himpunan koleksi karikatur yang dipamerkan berkaitan perpaduan masyarakat Malaysia, peristiwa kemerdekaan serta tokoh-tokoh Perdana Menteri Malaysia yang terdahulu bagi memberi peluang kepada para pengunjung untuk memahami sentimen dan pemikiran negara, saat sebelum dan selepas merdeka.

Lebih 60 karya yang dihasilkan oleh 50 orang artis tempatan turut dipamerkan berbentuk kartun, komik, karikatur dan animasi. Terdapat juga koleksi kulit majalah kartun dan komik yang pernah mewarnai dunia majalah komik di Malaysia seperti Batu Api, Geli Hati, Buletin Lubok, Politik Kedai Kopi dan banyak lagi.

Di ruangan pameran animasi tempatan pula mempamerkan sejarah perkembangan animasi tempatan dan bahan-bahan interaktif berkaitan animasi seperti Usop Sontorian, Anak-Anak Sidek, Kluang Man, Awang Kenit dan Robozeta. Hasil karya kartunis tersohor seperti Seniman Diraja Dato' Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai 'Dato' Lat' juga dipamerkan. Para pengunjung bukan sahaja dapat menambah pengetahuan mengenai sejarah kartun, komik dan animasi Malaysia, malah dapat menenangkan ketegangan perasaan dan pemikiran daripada tekanan kerja seharian.

Majlis pelancaran pameran kartun ini telah dihadiri oleh hampir 100 orang tetamu yang terdiri daripada wakil-wakil dari agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara, pengurusan tertinggi Fahrenheit88 Mall, barisan exco Persatuan Penggiat Komik Malaysia (PEKOMIK) dan Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) dan turut disertai oleh penggiat-penggiat seni kartun, komik dan animasi Malaysia yang lain.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Ogos 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()